

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 18 TAHUN 1974

MENGOSONGKAN RUMAH-RUMAH KERAJAAN

Adalah diputuskan bahawa mulai dari tarikh pengeluaran Pekeliling ini Pegawai-pegawai Kerajaan yang menduduki rumah Kerajaan adalah dikehendaki mengosongkan rumah-rumah tersebut apabila rumah sendiri mereka yang diperolehi di bawah Rancangan Bantuan Wang Perumahan Kerajaan siap sahaja untuk diduduki.

2. Peraturan ini, buat permulaan, akan dikenakan ke atas pegawai-pegawai yang menduduki rumah-rumah Kerajaan, bertugas dan memiliki rumah sendiri di bawah Rancangan Bantuan Wang Perumahan Kerajaan dalam kawasan lingkungan 12 batu daripada Pejabat Pos Besar, Kuala Lumpur.

3. Pegawai-pegawai yang sudah pun memiliki rumah sendiri di bawah Rancangan Bantuan Wang Perumahan Kerajaan dan masih lagi menduduki rumah-rumah Kerajaan seperti yang di terangkan di dalam perenggan 2 di atas adalah dikehendaki mengosongkan rumah-rumah Kerajaan tersebut selewat-lewatnya pada 1hb November, 1974 dan Pegawai Perumahan Kerajaan Persekutuan adalah bertanggungjawab selepas berunding dengan pihak berkuasa Rancangan Bantuan Wang Perumahan Kerajaan memberi notis bagi memenuhi maksud yang tersebut kepada pegawai-pegawai yang tertakluk di bawah peraturan ini dengan seberapa segera. Untuk membereskan urusan ini, Ketua-ketua Pejabat adalah dikehendaki menyampaikan senarai mengandungi nama Pegawai-pegawai yang terlibat kepada Pegawai Perumahan Kerajaan Persekutuan, Kuala Lumpur dengan secepat mungkin.

4. Pegawai-pegawai yang berikut adalah dikecualikan daripada peraturan yang terkandung di dalam Pekeliling ini :

- (i) Pegawai-pegawai yang layak diperuntukan dengan rumah tanpa sewa;
- (ii) Pegawai-pegawai yang layak diperuntukan dengan rumah khas Jabatan (Institutional Quarters dan Reserved Quarters) seperti yang ditaariffkan di bawah perenggan 2 (b) dan (c) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1972.

DATUK ABDULLAH BIN AYUB,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR,
3hb Mei, 1974